

## UNSUR DISFEMISME DALAM TERJEMAHAN MAKNA AL-QURAN KE BAHASA MELAYU

Nasimah Abdullah, Nor Fazila Ab Hamid  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

Lubna Abd Rahman  
Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

*Disfemisme ialah ungkapan atau kata yg kasar untuk menggantikan ungkapan atau kata yg halus, lembut dan sopan. Dalam sosio-budaya Melayu, unsur disfemisme ini perlu dielakkan dalam situasi tertentu terutamanya apabila melibatkan status dan jarak sosial dalam masyarakat. Dalam interaksi antara ahli keluarga yang mempunyai hubungan dari bawah ke atas atau sebaliknya, ungkapan yang digunakan seharusnya mempunyai kesantunan. Kajian ini bertujuan mengetengahkan unsur disfemisme yang terdapat dalam teks terjemahan makna al-Quran dari sudut pandangan sosiolinguistik Melayu dengan memfokuskan terjemahan kata ganti nama diri Arab dalam dua teks terjemahan makna al-Quran, iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM dan Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan terbitan Yayasan Restu. Sampel kajian hanya melibatkan interaksi antara anak dengan ayah. Kajian ini mendapati kedua-dua teks terjemahan tersebut tidak mematuhi peraturan sosiolinguistik Melayu apabila menterjemah kata ganti nama diri secara literal dalam interaksi antara anak dengan ayah. Walaupun terjemahan tersebut mematuhi peraturan semantik, tetapi ini membawa kepada wujudnya unsur disfemisme. Justeru, sebagai alternatif penterjemah boleh menggunakan kaedah terjemahan secara pragmatik, iaitu dengan menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan Melayu serta mengguna kata ganti nama "saya" sebagai ganti kepada "aku".*

**Kata Kunci:** *disfemisme; kata ganti nama diri; teks terjemahan makna al-Quran*

### 1. PENDAHULUAN

Menurut Ibn Jinni (2004), seorang tokoh ilmuwan bahasa Arab zaman silam, melalui bahasa seseorang dapat mengekspresi atau menyampaikan hasrat dan kehendaknya. Setiap bahasa menggambarkan ciri atau karakter sosial antara penutur dengan pendengar serta hubungan antara kedua-duanya. Edward Sapir (1921) mendefinisikan bahasa sebagai suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sedar. Hall (1968) pula menegaskan bahawa bahasa ialah salah satu institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan pendengaran yang abitrari mengikut sifatnya. Ini menunjukkan bahawa bahasa merupakan alat yang terpenting bagi membolehkan manusia berinteraksi dan berkomunikasi.

Pada dasarnya, apabila kita mula berinteraksi dengan orang lain perkara yang menjadi tumpuan ialah menggunakan bentuk panggilan yang mesra dan hormat kepada orang yang disapa. Penggunaan bentuk kata panggilan bergantung kepada hubungan antara penutur dengan pendengar, status sosial atau individu yang terlibat dalam perbualan, tujuan komunikasi dan situasi perbualan (Swandewi: 2014). Bentuk panggilan juga berperanan mengeratkan hubungan dan menimbulkan suasana mesra antara penutur dengan orang yang dilawan bertutur. Antara amalan kesantunan dalam masyarakat atau dalam budaya ialah penggunaan kata panggilan yang sesuai supaya si penutur tidak digambarkan sebagai seseorang yang kasar atau biadab.

Fenomena yang berkaitan dengan kata panggilan dan kepentingan berbahasa tidak sahaja wujud dalam bahasa Melayu tetapi juga dalam hampir semua bahasa di dunia. Dalam sosio-budaya Melayu, unsur disfemisme perlu dielakkan dalam situasi tertentu terutamanya apabila melibatkan status dan jarak sosial dalam masyarakat. Dalam interaksi antara ahli keluarga yang mempunyai hubungan dari bawah ke atas atau sebaliknya, ungkapan yang digunakan juga seharusnya tidak mempunyai unsur disfemisme. Disfemisme ialah ungkapan atau kata yg kasar untuk menggantikan ungkapan atau kata yg halus, lembut dan sopan (Kamus Dewan: 2007: 355). Bermula dari satu perkataan kepada frasa sehinggalah kepada sebuah teks, makna sesuatu bahasa itu tetap dipengaruhi oleh faktor budaya (Azman & Azhar: 2010).

Dalam setengah bahasa, konteks penggunaan bahasa perlulah diambilkira dalam proses interaksi agar wujud kesantunan berbahasa. Begitu juga ada setengah bahasa yang terikat dengan peraturan sociolinguistik tertentu. Justeru dalam usaha memindahkan satu mesej dari bahasa sumber ke bahasa sasaran, penterjemah perlu memahami bukan sahaja peraturan linguistik, malah juga peraturan sociolinguistik kedua-dua masyarakat sumber dan sasaran agar tidak wujud unsur disfemisme dalam wacana.

## **2. PERBEZAAN PERATURAN LINGUISTIK DAN SOSIOLINGUISTIK ARAB DAN MELAYU**

Bangsa Melayu dan Arab adalah dua komuniti yang sangat jauh berbeza, bukan sahaja dari segi geografi dan budaya, malah dari segi peraturan penggunaan bahasa. Masyarakat Arab dan Melayu bukan sahaja mempunyai perbezaan dari segi peraturan linguistik, tetapi turut melibatkan peraturan sociolinguistik. Ini bukanlah satu perkara yang ganjil kerana kedua-dua bahasa tersebut adalah daripada rumpun bahasa yang tidak sama.

Pengkajian linguistik Barat menggolongkan bahasa Arab sebagai bahasa Samiyyah (semitic) (Che Radiah Mezah: 2001: 70), dan ini berbeza sama sekali dengan pandangan Anwar al-Jundi (1982: 22-23) yang mengatakan bahawa bahasa tersebut mempunyai hubungan dan persamaan dengan bahasa serumpun dengannya yang dituturkan oleh orang *Ibri*, *Finiqi*, *Asyuri*, *Baabali* dan *Habasyi* sebelum kedatangan Islam. Bahasa Melayu pula tergolong ke dalam cabang nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim dll, 4: 2006).

Dalam kajian sociolinguistik, kaitan antara bahasa dengan masyarakat adalah sangat rapat. Penggunaan bahasa mengikut konteks sosial masyarakat mempunyai peranan penting dalam memastikan mesej yang disampaikan dapat dicerna oleh setiap lapisan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang dan fahaman. Berdasarkan ilmu sociolinguistik, terdapat tiga perkara penting ketika berbahasa iaitu tempat bahasa digunakan, bila berbahasa, dan kepada siapa, dan dengan siapa bahasa itu digunakan.

Kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan sociolinguistik yang terdapat dalam bahasa masyarakatnya menjadi ukuran kepada kesantunan berbahasa. Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sociolinguistik kepada “penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”. Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa. Kata panggilan kekeluargaan adalah termasuk dalam peraturan sociolinguistik.

Sebenarnya setiap masyarakat mempunyai cara memanggil dan menyapa tersendiri untuk berinteraksi dengan individu lain. Cara tersebut dikenali sebagai sistem panggilan yang merujuk kepada penggunaan kata ganti nama seseorang. Menurut Asmah Omar (2014: 86), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat.

Kata ganti nama yang melibatkan interaksi antara ahli keluarga dikenali sebagai kata panggilan kekeluargaan dan ia didefinisikan kepada “kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan kedudukan dalam keluarga”. (Nor Hashimah Jalaluddin et al: 2005: 17). Penggunaan kata panggilan kekeluargaan melambangkan kehormatan, keamatan dan kesopanan (Nik Safiah Karim: 1981: 106-107).

Oleh itu, dalam konteks interaksi dalam kalangan ahli keluarga, kata ganti nama seseorang perlu diterjemahkan dengan betul daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu agar boleh menggambarkan tanda hormat seorang yang lebih rendah tarafnya kepada orang yang lebih tinggi taraf atau status kekeluargaannya. Contohnya seorang anak perlu menyapa ayah atau ibu dengan panggilan “ayah” atau “mak” sebagai tanda hormat, bukan dengan panggilan nama.

Setiap bahasa mempunyai tatacara penggunaan kata ganti nama diri yang mungkin berbeza dengan bahasa lain. Sebagai contoh, bahasa Arab mempunyai satu kata ganti nama yang merujuk kepada diri pertama, iaitu “أنا”. Kata ganti nama pertama dalam bahasa Melayu pula berbeza mengikut konteks sosiolinguistik bahasa tersebut, seperti “saya”, “aku”, “beta” dan “patik”. Selain itu, dalam bahasa Arab kata ganti nama berbeza mengikut gender, sebagai contoh ganti nama diri (هو) digunakan untuk maskulin manakala kata ganti nama (هي) pula untuk feminin. Ini berbeza dengan bahasa Melayu yang tidak mempunyai ciri tersebut.

Oleh itu, dalam dialog antara anak dan ayah terdapat penggunaan kata panggilan tertentu yang mengambil tempat kata ganti nama diri. Ini berbeza sama sekali dengan peraturan sosiolinguistik Arab yang tidak menonjolkan fungsi dan peranan sistem panggilan tertentu dalam proses komunikasi antara dua pihak malah hanya menggunakan kata ganti nama diri. Merujuk kepada penggunaan kata ganti nama diri yang terdapat dalam al-Quran, penterjemah perlu bijak memilih kata atau frasa dalam teks sasaran agar pembaca teks tersebut dapat menghayati maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh teks sumber.

Pemilihan perkataan ‘aku’ dalam masyarakat Melayu adalah digolongkan dalam percakapan yang berbentuk kasar jika digunakan terhadap golongan yang perlu dihormati termasuklah terhadap ibu bapa, pesapa yang lebih tinggi status sosialnya dalam masyarakat dan pesapa yang lebih berusia daripada penyapa (Idris Aman: 2010:100, Teo Kok Seong: 2003:15). Hal ini menunjukkan bahawa ‘aku’ tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap orang yang perlu dihormati, sama ada melibatkan pesapa yang lebih berstatus atau pesapa yang lebih berusia daripada penyapa. Kelazimannya, dalam norma masyarakat Melayu, ibu bapa wajib dihormati dan salah satu cara menghormati ibu bapa ialah dengan menggunakan bahasa yang santun, iaitu bahasa yang lemah lembut.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa kata panggilan merupakan unsur bahasa yang ada pada setiap bahasa di dunia. Namun, fungsinya mungkin kurang menonjol dalam sesetengah bahasa berbanding bahasa yang lain. Sebagai contoh, fungsi kata panggilan bahasa Arab kurang menonjol berbanding bahasa Melayu yang sangat kaya dengan kata panggilan tertentu sebagai ganti kepada kata ganti nama diri. Bahasa Arab menggunakan bentuk kata ganti nama yang sama tanpa mengira jarak dan status sosial antara individu yang terlibat dalam wacana. Hal ini demikian kerana sifat bahasa Arab lebih mementingkan konsep gender dan masa.

Perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari sudut peraturan sociolinguistik ini menyebabkan ketakterjemahan budaya wujud dalam sebahagian besar proses penterjemahan.

### **3. FUNGSI SEMANTIK DAN KEPERLUAN PRAGMATIK DALAM TERJEMAHAN**

Ilmu semantik adalah satu ilmu tentang pengkajian makna. Menurut Sperber dan Wilson (1986: 1), pengkajian makna pada peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihayati oleh penutur. Hal ini kerana pengkajian tentang makna pada peringkat semantik hanya terhad kepada maklumat linguistik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin: 1992: 1). Pengkajian makna seharusnya melibatkan ilmu pragmatik, iaitu ilmu penginterpretasian makna yang melibatkan faktor bukan linguistik. Kombinasi kedua-dua faktor linguistik dan bukan linguistik ini benar-benar dapat membantu pengkajian makna yang lebih berkesan (Nor Hashimah Jalaluddin: 1992: 1).

Oleh itu, bolehlah dikatakan semantik ialah istilah yang merujuk kepada kajian makna dalam suatu bahasa, iaitu suatu ujaran difahami, diinterpretasi dan dihubungkan dengan dunia penutur. Menurut Palmer (1976: 1), "Semantics is the technical term used to refer to the study of meaning." Manakala John Lyons (1971: 167), pula menjelaskan tujuan ilmu semantik ialah "...explain how the sentences of this language are understood, interpreted, and related to states, process, and objects in the universe."

Selain ilmu semantik, ilmu pragmatik juga penting dalam interpretasi makna. Pragmatik menurut Stephen C. Levinson (1987), adalah suatu ilmu yang ada pertalian dengan bidang sociolinguistik. Ilmu pragmatik penting dalam menyelesaikan masalah ketaksaan, kekaburan dan ketidaktentuan yang terhasil daripada ujaran yang sudah semestinya tidak boleh dilakukan dengan ilmu semantik.

Secara ironinya, ilmu pragmatik merupakan pelengkap kepada ilmu semantik dalam mentafsir makna dengan memanfaatkan maklumat konteks (Sperber dan Wilson: 1986). Sebagai contoh, dalam linguistik Melayu terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada kata ganti nama diri pertama, antaranya "saya", "aku", "patik" dan "beta". Peraturan sociolinguistik masyarakat Melayu menentukan setiap kata ganti nama diri pertama tersebut mempunyai konteks penggunaan tersendiri dan tidak boleh digunakan sesuka hati. Penutur natif biasanya mampu membezakan penggunaan kesemua leksikal tersebut berdasarkan maklumat tambahan. Ada titik perbezaan antara keempat-empat leksikal tersebut meskipun dari segi semantik ada persamaannya. Jelasnya, pragmatik mempunyai peranan yang berbeza berbanding dengan semantik.

#### 4. METODOLOGI

Kertas ini adalah menggunakan kajian kepustakaan dan pendekatan kualitatif. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd Sheffei: 1991: 41), manakala pendekatan kualitatif pula menjurus kepada analisis teks. Kajian ini adalah dalam bidang linguistik terapan dengan melihat kepada teks terjemahan makna al-Quran dari sudut sosiolinguistik dan pragmatik dalam terjemahan.

Tujuan kajian ini adalah mengetengahkan unsur disfemisme yang terdapat dalam teks terjemahan makna al-Quran dari sudut pandangan sosiolinguistik Melayu dengan memfokuskan terjemahan kata ganti nama diri Arab dalam dua teks terjemahan makna al-Quran, iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM dan Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan terbitan Yayasan Restu. Sampel kajian hanya melibatkan interaksi antara anak dengan ayah iaitu i) antara Nabi Ibrahim dengan ayah baginda dalam Surah Maryam ayat 42, ayat 43, ayat 45 dan ayat 47, Surah al-Anaam ayat 74, ii) antara Nabi Yusuf dengan ayah baginda nabi Yaakob dalam Surah Yusuf ayat 4 dan 5.

#### 5. HASIL DAN PERBINCANGAN

Penulis mengemukakan di sini tujuh (7) contoh ayat al-Quran dari “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran” oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan “al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan” yang diterbitkan dan dicetak oleh Yayasan restu.

i) Dialog antara Nabi Ibrahim dengan ayah baginda

Bil.	Bahasa Sumber (Ayat al-Quran)	Bahasa Sasaran	
		Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
1.	﴿وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ آزَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾ Surah al-Anaam (6): 74	Dan (Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: “Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya <b>aku</b> melihat <u>mu</u> dan kaum <u>mu</u> dalam kesesatan yang nyata”. (hlm: 308)	(Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya, Azar, “Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya <b>aku</b> melihat engkau dan kaum <u>mu</u> dalam kesesatan yang nyata.” (hlm: 139)
2.	﴿إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا﴾	Tatkala ia berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat	Ketika dia berkata kepada bapanya, “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat

	Surah Maryam (19): 42	menolong <u>mu</u> sedikitpun? (hlm: 756)	menolong <u>mu</u> sedikit pun? (hlm: 315)
3.	<p>﴿يَا أَبَتِ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا﴾</p> <p>Surah Maryam (19) : 43</p>	<p>“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu; oleh itu, ikutlah daku; <b>aku</b> akan memimpinmu ke jalan yang betul.” (hlm: 756)</p>	<p>“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku daripada ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu; ikutlah <b>aku</b>. <b>Aku</b> akan memimpinmu ke jalan yang benar. (hlm: 315)</p>
4.	<p>﴿يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا﴾</p> <p>Surah Maryam (19): 45</p>	<p>“Wahai ayahku, sesungguhnya <b>aku</b> bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahmaan disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam neraka.” (hlm: 757)</p>	<p>“Wahai ayahku, sesungguhnya <b>aku</b> bimbang bahawa ayah akan diazab oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, maka ayah menjadi rakan bagi syaitan di dalam neraka.” (hlm: 315)</p>
5.	<p>﴿قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا﴾</p> <p>Surah Maryam (19): 47</p>	<p>Nabi Ibrahim berkata: “Selamat tinggallah ayah; <b>aku</b> akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (hlm: 757)</p>	<p>Ibrahim berkata, “Semoga keselamatan bersamamu, <b>aku</b> akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu, sesungguhnya Dia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsan-Nya kepadaku.” (hlm: 315)</p>

Penjelasan adalah seperti berikut:

Kelima-lima data tersebut menunjukkan terdapatnya unsur disfemisme dalam interaksi antara anak (iaitu Nabi Ibrahim) dengan ayah. Hal ini demikian kerana penterjemah menggunakan kaedah terjemahan secara literal. Walaupun terjemahan tersebut mematuhi peraturan semantik, tetapi ini membawa kepada wujudnya unsur disfemisme. Ini kerana kedua-dua teks terjemahan menggunakan kata ganti nama diri pertama “aku”, dan kata ganti nama diri kedua “mu”. Penggunaan “aku” dan “mu” dalam norma masyarakat Melayu mempamerkan ketidakpatuhan kepada peraturan sosiolinguistik Melayu.

ii) Dialog antara Nabi Yusuf dengan ayah baginda nabi Yaakob

Bil.	Bahasa Sumber (Ayat al-Quran)	Bahasa Sasaran	
		Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Yayasan Restu
1.	<p>﴿إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ﴾                      Surah Yusuf (12): 4</p>	<p>(Ingatlah peristiwa) tatkala Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya <b>aku</b> mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; <b>aku</b> melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku”. (hlm: 542)</p>	<p>Ketika Yusuf berkata kepada bapanya, “Wahai ayahku! Sesungguhnya <b>aku</b> bermimpi melihat sebelas bintang, matahari serta bulan, <b>aku</b> melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku.”                      (hlm: 239)</p>
2.	<p>﴿قَالَ يَا بُنَيَّ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَى إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾                      Surah Yusuf (12): 5</p>	<p>Bapanya berkata: “Wahai anakku! Janganlah <b>engkau</b> ceritakan mimpi<b>mu</b> kepada saudara-saudaramu, kerana <b>aku</b> khawatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadap<b>mu</b>. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia.” (hlm: 542)</p>	<p>Bapanya berkata, “Wahai anakku! Janganlah <b>engkau</b> ceritakan mimpi<b>mu</b> kepada saudara-saudaramu, kerana <b>aku</b> khawatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadap<b>mu</b>.                      Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia. (hlm: 239)</p>

Kedua-dua data menunjukkan kedua-dua teks terjemahan tersebut tidak mematuhi peraturan sosiolinguistik Melayu. Hal ini kerana kedua-dua teks terjemahan menggunakan kata ganti nama diri pertama “aku”, dan kata ganti nama diri kedua “mu” dan “engkau” dalam interaksi antara anak (iaitu Nabi Yusuf ) dengan ayah. Walaupun terjemahan tersebut mematuhi peraturan semantik, tetapi ini membawa kepada wujudnya unsur disfemisme.

Dalam terjemahan yang melibatkan interaksi antara anak dan ayah, penulis menyarankan agar penggunaan kata panggilan seperti “anakanda” dan “ayahanda” digunakan untuk menggantikan kata ganti nama “aku”, “engkau” dan seumpamanya untuk memperlihatkan nilai kesantunan Bahasa Melayu yang halus, sekaligus menunjukkan rasa hormat dan kasih sayang yang tulus antara kedua-dua pihak. Penggunaan kata panggilan tersebut sering digunakan pada masa dahulu, tidak terhad kepada kepada keluarga di-Raja tetapi juga digunakan dalam kalangan rakyat biasa seperti yang kita tonton dalam filem Melayu klasik.

## 6. PENUTUP

Kajian ini mendapati kedua-dua teks terjemahan tersebut tidak mematuhi peraturan sociolinguistik Melayu apabila menterjemah kata ganti nama diri secara literal dalam interaksi antara anak dengan ayah. Walaupun terjemahan tersebut mematuhi peraturan semantik, tetapi ini membawa kepada wujudnya unsur disfemisme. Justeru, kata ganti nama diri seharusnya perlu diterjemahkan dengan betul daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu supaya dapat menggambarkan kesantunan dalam lakuan pertuturan seseorang yang lebih rendah tarafnya dengan orang yang lebih tinggi taraf atau statusnya.

Sehubungan itu, terjemahan yang betul akan memudahkan para pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas mengikut konteks penggunaan yang sebenar. Dalam sociolinguistik Melayu, pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi bagi memastikan wujudnya unsur kesantunan berbahasa. Sebagai alternatif, penterjemah boleh menggunakan kaedah terjemahan secara pragmatik, iaitu dengan menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan Melayu.

Kajian ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada penterjemah dan ahli penyelidik tentang aplikasi ilmu semantik dan pragmatik dalam menterjemah kata ganti nama diri Arab-Melayu. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa mematuhi aspek sociolinguistik Melayu dalam terjemahan kata ganti nama diri boleh memberikan gambaran sebenar dan tepat kepada pembaca tentang konteks wacana sebagaimana dimaksudkan dalam teks sumber.

## 7. RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. *Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. edisi keempat.
- Asmah Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi ke-5.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Mat dan Azhar Muhammad. (2010). *Budaya Berbahasa Menurut Perspektif Islam*. Sains Humanika. 53(1). 1-12.
- Che Radiah Mezah. (2001). *Bahasa Arab dan Ciri-ciri Keistimewaannya*. Dalam Monograf Bahasa Arab. Bil. 1 Mei 2010. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Hall, R.A. (1968). *An essay on language*. Philadelphia dan New York: Chilton Book.
- Ibnu Jinni, Abu al-Fath Uthman bin Jinni Al-Mushily. (2004). *Al-Khasa'is*. (pnyt) Muhammad, Abd al-Hakim. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John Lyons. (1971). *New horizons in linguistics*. England: Penguin Books.
- Al-Jundi, Anwar. (1982). *Al-Fusha Lughah al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Lubnani & Maktabah al-Madrasah.
- Mohd. Sheffe Abu Bakar. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R. (1976). *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sapir, Edward. (1921). *Language*. New York: Harcourt Brace.
- Sperber, D. & Wilson. 1986 . *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Stephen C. Levinson. (1987). Pragmatics and the grammar of anaphora: a partial pragmatic reduction of Binding and Control phenomena. *J. Linguistics* 23: 379-434.
- Swandewi, Ni Wayan. (2014). *Terms of Address and Politeness In "Love In The Afternoon"*, dalam makalah yang dibentangkan pada Non-Regular Program, English Department Faculty Of Letters, Udayana University Denpasar.
- Teo Kok Seong. (2003). "*Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu*", dlm. Dewan Bahasa, Jilid 3 (3): 14-23.